

05/11/2001

Kerajaan prihatin peningkatan jenayah juvana

Rahman Hashim

ALOR GAJAH, Ahad - Kerajaan memandang serius gejala remaja yang semakin ramai terbabit dalam kes jenayah walaupun kadar keseluruhan kes jenayah di negara ini, menampakkan penurunan.

Sehubungan itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata semua pihak khususnya ibu bapa, bertanggungjawab mengawasi anak masing-masing supaya tidak terjebak dalam kejadian jenayah.

Katanya, antara faktor utama yang menyebabkan ramai remaja terbabit dalam jenayah ialah ibu bapa yang bekerja sehingga kurang memberi tumpuan kepada anak masing-masing.

Beliau berkata, walaupun ibu bapa keluar rumah untuk mencari rezeki yang halal, pada masa yang sama mereka juga harus memberi tumpuan atau perhatian kepada anak mereka.

"Ibu bapa yang sentiasa sibuk dengan tugas, akan menyebabkan anak mereka berasa terbiar dan terbabit dalam jenayah," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Keluarga pejabat Timbalan Perdana Menteri dan Kementerian Dalam Negeri di A-Famosa Resort di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah, Datuk Lee Lam Thye, semalam yang menyatakan indeks jenayah negara menurun 114,096 kes atau 7.74 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding 124,916 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Bagaimanapun, Lee menjelaskan, perangkaan jenayah juvana membabitkan belia berusia 18 tahun ke bawah pula, meningkat daripada 3,077 kes pada 1999 kepada 3,626 kes tahun lalu.

Malah, dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini saja, kes jenayah juvana yang dicatatkan sudah mencapai 2,938 kes.

Abdullah berkata, pada peringkat sekolah, Kementerian Pendidikan sememangnya sudah mewajibkan pelajar menyertai kegiatan kokurikulum bagi menghindarkan mereka terjebak dengan gejala tidak sihat.

Pada peringkat Pusat pula, katanya, satu Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial yang dipengerusikan beliau, ditubuhkan tahun lalu serta dianggotai wakil daripada beberapa kementerian.

"Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenal pasti masalah gejala sosial serta usaha menanganinya dengan berkesan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, dasar kerajaan terhadap Afghanistan adalah jelas, iaitu menentang tindakan ketenteraan yang dilancarkan Amerika Syarikat dan Britain.

Malah, katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri sudah menulis kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush, yang meminta serangan ketenteraan itu dihentikan.

(END)